

■ **MAKAM** Laksamana Bentan terletak di Kampung Kelantan.

AMAD BAHRI MARDI | BERTIA MINGGU



■ **KISAH** Sultan Mahmud Mangkat Dijulang turut difilemkan.

# ***Naik takhta ketika berusia 10 tahun***

Perut isteri Laksamana Bentan dibelah untuk lihat bayi makan buah nangka

B. H. M. S. 2. 11. 2. 07

**S**ULTAN Mahmud Shah II ditabalkan menjadi sultan ketika berusia 10 tahun. Oleh kerana masih kecil, segala urusan pentadbiran dijalankan oleh Bendahara.

Pusat pemerintahan ketika itu berada di Kota Tinggi manakala Johor Lama dijadikan istana hinggap, tempat di mana Temenggong menjalankan tugas menjaga keamanan di Johor Lama.

Sultan Mahmud dikaitkan dengan kezaliman serta seorang yang sering

menimbulkan pergolakan di dalam negeri.

Baginda adalah keturunan daripada raja Melaka yang melarikan diri setelah negeri itu jatuh ke tangan Portugis pada 1511. Ketika kanak-kanak, baginda dipangku di atas takhta oleh ibu tirinya di mana ketika itu kerajaan ditadbir oleh Paduka Raja Tun Abdul Jamil dan keluarganya.

Apabila dewasa, baginda mengambil alih tampuk pemerintahan yang terletak di Johor Lama. Di sana baginda memerintah dengan penuh kezaliman. Alexander Hamilton, seorang pelayar

Inggeris yang sempat berkunjung ke Johor Lama pada 1695, menulis mengenai keganjilan perilaku sultan berkenaan.

Baginda seorang yang bengis dan ganjil. Ini juga disahkan oleh utusan Belanda ke Johor pada 1699 yang melaporkan sultan itu terlalu muda dan sukar dikawal. Sultan ini menghabiskan masa dengan hanya berseronok dan membunuh orang sesuka hati. Kemuncak kezalimannya ialah membunuh isteri orang besar istana iaitu Megat Seri Rama atau lebih dikenali sebagai Laksamana Bentan.

Menurut cerita, isteri Laksamana Bentan yang sarat mengandung mengidam buah nangka di dalam taman diraja dan mengambil sedikit untuk dijamah. Apabila tahu kejadian itu, baginda membelah perut mangsa bagi melihat anak dalam kandungan yang mengidam buah nangka raja.

Laksamana Bentan yang pulang dari medan peperangan di Linggi atas perintah sultan itu dikhabarkan orang kampung mengenai kematian isteri kesayangannya. Pada masa sama, Bendahara Paduka Raja Tun Abdul Jalil bersama pembesar istana lain, bersepat untuk menghapuskan baginda.

Menurut adat Melayu, seseorang raja boleh diturunkan daripada takhta apabila terbukti baginda gila atau murtad. Mereka bersepat dalam musyawarah yang diadakan secara tertutup untuk membunuh sultan.

Bagaimanapun, seorang pembesar, Orang Laut Seti Bija Wangsa dari suku orang laut menentang komplot itu kerana tidak mahu menderhaka kepada sultan.

Bagi menjayakan rancangan dan menutup rahsia misi penting itu, Seri Bija Wangsa dibunuh dengan Keris Penyalang. Orang Laut sangat marah dan berendam atas kematian pembesar mereka itu manakala Laksamana Bentan pula mengambil keputusan untuk menderhaka pada raja dan ketika tepat waktunya sultan dijulangi jejuaknya ke masjid menunaikan sebagai muslim, lalu laksamana itu membunuh sultan. Tragedi itu dikenali sebagai 'Sultan Mahmud Mangkat Dijulang'.

Makam baginda dikenali sebagai 'Makan Sultan Mangkat Dijulang' kerana baginda dibunuh ketika dijulangi di atas jejuak. Kejadian itu berlaku pada 1699. Sultan Mahmud mangkat ketika berusia 24 tahun.

Dalam *Tahfatu'l Nafis* karangan Raja Ali




■ Mohd Salleh Ahmad.

Haji Riau, terdapat slot kisah yang menggambarkan kejadian Sultan Mahmud Raja Johor yang mati dibunuh dalam peristiwa Sultan Mangkat Dijulang.

Melalui catatan *Tahfatu'l Nafis*, baginda yang sedang dijusung di atas julang dalam perjalanannya untuk menunaikan solat Jumaat, dibunuh oleh Laksamana Bentan, yang membalas dendam atas kematian isterinya yang dibunuh ketika sarat mengandung akibat perintah sultan.

Secara halus Raja Ali Haji juga menyifatkan keganjilan peribadi sultan ini kerana baginda beristerikan peri (sejenis jin) yang begitu cemburu sehinggakan sultan itu tidak dapat bersama dengan isterinya yang lain.



■ LAKARAN kedudukan makam dalam Kompleks Makam Sultan Mahmud II.